



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Kewajipan, Maruah, Integriti

DASAR

HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Centre for Research and Innovation Management

Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Kecemerlangan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Kem Sungai Besi

57000 Kuala Lumpur Malaysia

① : 03-90513400 samb. 3085-3099-2126-1054-1055-4620-3594

✉ : 03-90513084

E-mel : pppi@upnm.edu.my

Laman Web : www.upnm.edu.my

DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

KANDUNGAN

A. DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

| | | |
|------|----------------------------|----|
| 1.0 | KENYATAAN DASAR | 4 |
| 2.0 | OBJEKTIF | 4 |
| 3.0 | DEFINISI | 4 |
| 4.0 | PERLINDUNGAN HARTA INTELEK | 7 |
| 5.0 | PEMILIKAN HARTA INTELEK | 7 |
| 6.0 | PERJANJIAN HARTA INTELEK | 8 |
| 7.0 | PENGURUSAN HARTA INTELEK | 8 |
| 8.0 | PENGKOMERSIALAN | 9 |
| 9.0 | AGIHAN PENDAPATAN | 10 |
| 10.0 | PENAFIAN | 10 |
| 11.0 | PENYELESAIAN PERTIKAIAN | 10 |
| 12.0 | KUASA UPNM | 11 |

DASAR HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

Dasar ini menerangkan dasar harta intelek dan pengkomersialan hasil penyelidikan dan inovasi, dan pengurusan dan pengkomersialan harta intelek tersebut. Dasar ini terpakai bagi semua staf dan pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang terlibat, serta pihak luar yang mempunyai kepentingan dalam harta intelek serta pengkomersialan di UPNM.

1.0 KENYATAAN DASAR

- 1.1 Dasar ini bertujuan memudahkan pengurusan bagi tujuan pengkomersialan, dengan memberi perlindungan terhadap harta intelek dan pencipta, serta isu agihan pendapatan sebagai galakan bagi pembangunan harta intelek di UPNM.
- 1.2 Harta intelek yang diperoleh daripada sebarang projek penyelidikan oleh staf dan pelajar UPNM menjadi hak milik bersama UPNM dan pencipta. Ia mesti dikomersialkan.
- 1.3 Pengkomersialan harta intelek adalah dengan rundingan serta persetujuan UPNM dan pencipta, samada individu atau syarikat yang berminat mengkomersialkan harta intelek tersebut.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan adalah untuk membentuk rangka kerja bagi menggalakkan penyelidikan, inovasi, reka cipta, pemindahan teknologi, pelesenan dan sebagainya yang berkaitan dengan harta intelek dan pengkomersialan.
- 2.2 Dasar ini memastikan pengurusan harta intelek dan pengkomersialan yang cekap dan berkesan untuk memastikan perlindungan dan hak pihak terlibat terjamin serta mengelak untuk berlakunya pelanggaran etika dan tata kelakuan.

3.0 DEFINISI

3.1 Harta Intelek

Merujuk kepada produk atau ciptaan yang diakui sebagai harta intelek di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana undang-undang di dunia yang diiktiraf oleh Malaysia.

3.2 Paten

Paten satu hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu reka cipta, sama ada satu produk ataupun proses untuk menghasilkan cara baharu bagi sesuatu, atau pun untuk penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah. Paten dilindungi di bawah Akta Paten 1983 dan perlindungan paten adalah selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan permohonan.

Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri berikut:

- 3.2.1 Novelti
- 3.2.2 Melibatkan langkah mereka cipta
- 3.3.3 Boleh digunakan dalam mana-mana industri

3.3 Cap Dagangan

Cap Dagangan bermaksud cap yang digunakan/dicadangkan untuk digunakan bagi tujuan menunjukkan hubungan antara barang/ perkhidmatan dengan pemilik/pengguna berdaftar cap dagangan tersebut dalam urusan perniagaan. Cap Dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Setiap pendaftaran adalah sah untuk tempoh sepuluh (10) tahun daripada tarikh permohonan. Pembaharuan pendaftaran perlu dibuat setiap sepuluh tahun selagi masih berminat.

3.4 Reka Bentuk Perindustrian

Reka bentuk perindustrian ialah rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk. Bentuk atau tatarajah merupakan aspek tiga dimensi manakala corak atau hiasan merangkumi dua dimensi. Ciri-ciri tiga atau dua dimensi atau kedua-duanya sekali yang terdapat pada suatu barang siap hendaklah melalui kaedah perindustrian. Ciri-ciri tersebut akan memberi suatu penampilan yang unik pada sesuatu barang atau produk berkenaan.

Suatu reka bentuk perindustrian berdaftar diberi perlindungan selama lima (5) tahun daripada tarikh pemfailan. Perlindungan boleh dilanjutkan selama dua (2) tempoh di mana setiap tempoh perlindungan selama lima (5) tahun. Ini bermakna tempoh maksimum perlindungan ialah selama lima belas (15) tahun.

3.5 Petunjuk Geografi

Petunjuk geografi satu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang kerana berasal dari sebuah negara atau wilayah, atau satu kawasan atau tempat di mana mutu yang ditentukan, atau reputasi ciri lain barang-barang itu pada asasnya adalah berpunca dari asal geografi mereka.

Tanda-tanda geografi boleh digunakan ke atas atau semula jadi atau hasil pertanian sebarang keluaran atau kraftangan industri. Petunjuk Geografi yang berdaftar di beri sepuluh (10) tahun perlindungan dan boleh diperbaharui setiap sepuluh (10) tahun.

3.6 Reka bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Reka bentuk Susun Atur Litar Bersepadu susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang.

Sesuatu reka bentuk susun atur dilindungi bagi tempoh sepuluh (10) tahun daripada tarikh ia mula-mula dieksplotasi secara perdagangan. Walau apa pun, perlindungan yang diberikan tamat selepas lima belas (15) tahun daripada tarikh ia dicipta.

3.7 Hak Cipta

Hak Cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Malaysia tidak mempunyai sistem pendaftaran hak cipta. Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat berikut :

- 3.7.1 Usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli;
- 3.7.2 Karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan;
- 3.7.3 Penciptanya adalah orang yang berkelayakan; dan
- 3.7.4 Karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia.

3.8 Pengkomersialan

Sebarang aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan daripada harta intelek.

3.9 Pencipta

Bermaksud individu atau kumpulan yang telah menyumbangkan keintelektualan untuk sesuatu harta intelek.

3.10 Penyelidik

Bermaksud staf atau pelajar berdaftar yang menjalankan penyelidikan di UPNM.

3.11 Pemilik

Bermaksud pemegang hak eksklusif harta intelek.

3.12 Staf

Bermaksud mana-mana individu yang dilantik oleh UPNM, secara sambilan atau sepenuh masa dan tetap atau kontrak.

3.13 Pelajar

Bermaksud individu yang berdaftar sebagai pelajar di UPNM.

3.14 UPNM

Bermaksud Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

3.15 Pemberi Dana

Bermaksud individu, kumpulan individu, organisasi kerajaan atau swasta yang memberi dana untuk melakukan penyelidikan kepada staf atau pelajar UPNM.

3.16 Sumber Universiti

Bermaksud dana pentadbiran universiti, kemudahan-kemudahan seperti bahan-bahan spesimen, peralatan, ruang makmal, staf dan pelajar.

3.17 Pengantara

Bermaksud mana-mana individu yang dilantik oleh Jawatankuasa Harta Intelek UPNM untuk menjalankan tugas menyelesaikan pertikaian.

3.18 Penimbang Tara

Bermaksud seseorang penimbang tara yang dilantik di bawah Akta Timbang Tara 2005.

4.0 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

- 4.1 Akta Paten 1983 dan Peraturan-peraturan Paten 1986 memberi hak pemunya paten untuk mengeksplotasi reka ciptanya, menyerah hak atau memeterai kontrak lesen.
- 4.2 Pemilik harta intelek boleh melaksanakan kawalan eksklusif ke atas sebarang eksplotasi terhadap hak pemilikan tersebut.
- 4.3 Harta intelek yang dilindungi di bawah undang-undang paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi dan reka bentuk susun atur litar bersepada.

5.0 PEMILIKAN HARTA INTELEK

- 5.1 Segala hak, pemilikan dan kepentingan dalam semua harta intelek yang dicipta dan/atau dipaten di UPNM menjadi hak milik UPNM apabila:
 - 5.1.1 Harta intelek dicipta oleh staf UPNM semasa berkhidmat dengan UPNM atau;

- 5.1.2 Harta intelek dicipta oleh pelajar UPNM semasa dalam tempoh pengajian samada menerima tajaan atau menjalankan penyelidikan dengan atau di UPNM atau;
 - 5.1.3 Harta intelek yang ditaja oleh pihak UPNM atau pemberi dana lain samada bagi pihak UPNM atau melalui perjanjian dengan pihak UPNM.
- 5.2 UPNM tidak akan menuntut sebarang hak, pemilikan dan kepentingan harta intelek yang dihasilkan pencipta UPNM di luar skop pekerjaan, atau mana yang telah dicipta, dimajukan, dihasilkan atau diwujudkan tanpa penggunaan sebarang bentuk sumber, kemudahan, masa, perkakas, penyeliaan, peruntukan atau lain-lain tajaan dari UPNM.
- 5.3 Pencipta UPNM boleh memindah hak pemilikan dan kepentingan harta intelek yang tidak dituntut seperti dinyatakan di Klaus 5.2 kepada UPNM tertakluk kepada syarat yang dipersetujui bersama.

6.0 PERJANJIAN HARTA INTELEK

- 6.1 Penyelidik atau pencipta tidak boleh mendaftar harta intelek yang boleh dituntut oleh UPNM tanpa kebenaran daripada pihak UPNM. Pihak UPNM mempunyai hak untuk membuat perjanjian dengan pihak ketiga dengan persetujuan pencipta.
- 6.2 Pencipta tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyedia atau/dan memberi sebarang kemudahan, bahan atau sumber UPNM lain kepada pihak ketiga dengan tujuan menghasilkan harta intelek kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak UPNM.

7.0 PENGURUSAN HARTA INTELEK

- 7.1 Jawatankuasa Harta Intelek secara *ad hoc* ditubuhkan berdasarkan kepada cadangan hasil penyelidikan yang akan dipatenkan.
- 7.2 Keahlian Jawatankuasa Harta Intelek adalah seperti berikut.
 - 7.2.1 Jawatankuasa tetap harta intelek yang akan dilantik di peringkat UPNM:
 - 7.2.1(a) Penasihat – Naib Canselor UPNM.
 - 7.2.1(b) Pengurus – Timbalan / Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
 - 7.2.1(c) Setiausaha - Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
 - 7.2.1(d) Seorang Wakil Senat.

- 7.2.1(e) Dekan/Pengarah atau Timbalan Dekan / Timbalan Pengarah Fakulti / Pusat di mana Pencipta ditempatkan.
- 7.2.1(f) Wakil dari bahagian korporat atau *Business Centre* UPNM.
- 7.3 Fungsi-fungsi Jawatankuasa Harta Intelek adalah seperti berikut.
- 7.3.1 Mengawasi pelaksanaan dasar ini;
- 7.3.2 Memantau pengurusan dan mencadangkan semua langkah yang perlu dilaksanakan untuk melindungi hak harta intelek yang dimiliki oleh UPNM;
- 7.3.3 Menasihati UPNM tentang aktiviti pengkomersialan dan eksplotasi harta intelek;
- 7.3.4 Mencadang mana-mana perunding, jika perlu dilantik untuk membuat penilaian teknikal, penilaian risiko, kajian pasaran, pelan perniagaan atau eksplotasi harta intelek;
- 7.3.5 Membantu UPNM dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan harta intelek atau yang berbangkit daripada pelaksanaan dasar ini;
- 7.3.6 Mengkaji, menyemak dan membuat pindaan, jika perlu terhadap Dasar Harta Intelek UPNM;
- 7.4 Pencipta hendaklah mengisyiharkan apa-apa harta intelek yang dimiliki atau berpotensi dimiliki oleh UPNM.
- 7.5 Pendaftaran dan pengurusan harta intelek hendaklah dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.

8.0 PENGKOMERSIALAN

- 8.1 UPNM bertanggungjawab untuk semua kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam pengkomersialan produk yang diluluskan.
- 8.2 Jawatankuasa Harta Intelek akan menasihati UPNM bagi menentukan sama ada harta intelek boleh dikomersialkan atau dieksplotasi.
- 8.3 Pencipta hendaklah membantu dalam proses pengkomersialan yang difikirkan perlu oleh UPNM seperti memberi maklumat produk, menghadiri mesyuarat, perundingan dan sebagainya.

9.0 AGIHAN PENDAPATAN

- 9.1 Dalam keadaan di mana UPNM memperoleh sebarang pendapatan hasil sama ada dalam bentuk sekali gus atau berperingkat daripada pengkomersialan dan eksplotasi harta intelek, pendapatan bersih akan diagihkan mengikut formula 75:25 (Pencipta : UPNM).
- 9.2 Pendapatan bersih adalah selepas ditolak semua kos yang ditanggung oleh pihak UPNM dalam semua proses pengkomersialan atau eksplotasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.
- 9.3 Pencipta yang bersara atau tamat perkhidmatan di UPNM masih berhak menerima pendapatan yang diterima daripada harta intelek yang dikomersialkan.

10.0 PENAFIAN

Sebarang penafian terhadap pematuhan dasar ini hanya boleh diputuskan oleh Naib Canselor berdasarkan cadangan Pengantara dan Penimbang Tara jika diperlukan.

11.0 PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 11.1 Jika berlaku sebarang pertikaian atau kontroversi timbul daripada penguatkuasaan dan pelaksanaan dasar ini, atau dalam apa cara yang berkaitan dasar ini, Jawatankuasa Harta Intelek akan menyelesaikan pertikaian atau kontroversi yang timbul.
- 11.2 Jawatankuasa Harta Intelek akan melantik seorang pengantara jika pertikaian dan kontroversi yang timbul tidak dapat diselesaikan. Pengantara yang dilantik mestilah dipersetujui pelantikannya oleh pihak terlibat.
- 11.3 Pengantara akan menjalankan apa-apa prosedur yang dianggap wajar dalam proses pengantaraan tersebut asalkan semua pihak terlibat diberi peluang pembelaan yang adil.
- 11.4 Sebarang kos pengantaraan, jika ada, akan ditanggung bersama oleh semua pihak yang terlibat.
- 11.5 Jika usaha menyelesaikan pertikaian atau kontroversi melalui pengantara gagal, maka Naib Canselor melalui Jawatankuasa Harta Intelek hendaklah melantik seorang Penimbang tara atas persetujuan pihak terlibat.
- 11.6 Jika mana-mana pihak tidak bersetuju dengan pelantikan atau di mana satu pihak gagal atau enggan untuk bertindak, maka pihak satu lagi boleh memohon kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk melantik Penimbang tara. Penimbang tara yang dilantik dianggap sebagai telah dilantik dengan persetujuan semua pihak.

- 11.7 Timbang tara hendaklah diadakan di Kuala Lumpur di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Keputusan Penimbang Tara tersebut adalah muktamad dan mengikat semua pihak.

12.0 KUASA UPNM

Sebagai mengikuti perubahan dalam senario kebangsaan dan antarabangsa, UPNM berhak mengkaji semula dan meminda Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan sebagaimana yang dianggapnya sesuai bagi memastikan dasar ini sentiasa relevan dan terkini.

Kertas cadangan ini telah diluluskan dalam mesyuarat EXCO Bil 1/2015 yang telah diadakan pada
14 Januari 2015 (Rabu)

Kertas cadangan ini telah diluluskan dalam mesyuarat LPU ke-20 Bil 1/2015 yang telah diadakan pada
27 Februari 2015 (Jumaat)

Kertas cadangan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat ke-46 Bil 2/2015 yang telah diadakan pada
31 Mac 2015 (Selasa)